

Headline	HP, MIMOS bekerjasama dalam penyelidikan dan pendidikan pusat pelbagai data		
Date	08 Jul 2009	Language	Malay
MediaTitle	Utusan Malaysia	Page No	21
Section	Ekonomi	Article Size	208 cm²
Journalist	N/A	Color	Full Color
Frequency	Daily	PRValue	12,333
ADValue	4,111		



HP, MIMOS bekerjasama dalam penyelidikan dan pendidikan pusat pelbagai data



ABDUL WAHAB ABDULLAH

KUALA LUMPUR 7 Julai – HP Malaysia dan MIMOS mengumumkan jalinan kerjasama mereka mengenai pusat pelbagai data global, tapak ujian sumber terbuka yang diwujudkan oleh HP, Intel Corporation dan Yahoo Inc yang dinamakan “Open Cirrus.”

Majlis penandatanganan perjanjian itu disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Maximus Ongkili.

Dalam satu kenyataan hari ini, kedua-dua pihak berkata tapak ujian untuk membantu penyelidikan dan pendidikan pengkomputeran “cloud” itu akan membantu mewujudkan satu platform pengkomputeran “cloud” nasional untuk mengembleng per-

khidmatan itu di seluruh Malaysia.

Mereka berkata, ia akan memberi fokus pada perkhidmatan yang membolehkan pengabungan melalui perisian, kerangka keselamatan dan saling tindak mudah alih, serta pengujian alatan dan kaedah “cloud” yang baru.

“Saya berkeyakinan bahawa MIMOS dan HP akan dapat meningkatkan penyelidikan yang dilakukan di Malaysia ke tahap berkelas dunia.

“Lebih penting lagi, kewujudan perkhidmatan “cloud” yang diperolehi hasil kerjasama kami berpotensi untuk memperkayakan malah merubah, kehidupan harian

orang ramai di Malaysia,” kata Pengarah Urusan HP Malaysia, TF Chong.

Sementara itu, Presiden dan CEO MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, kerjasama itu menyediakan peluang untuk menempatkan Malaysia pada peta dunia komuniti penyelidikan pengkomputeran “cloud.”

Malaysia telah jauh ke hadapan dalam melaksanakan pembangunan ICT yang maju di negara ini dengan kewujudan MSC Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Pengkomputeran “cloud” merupakan langkah seterusnya. dengan adanya permulaan dalam pembabitan kita dalam penyelidikan pengkomputeran “cloud”, Malaysia akan dapat meraih faedah sebagai penerima pakai awal,” katanya.

Selain Malaysia, Open Cirrus mempunyai tapak ujian di AS, Singapura, Jerman, UK, Rusia dan Korea Selatan.

Tapak ujian itu merangsang kehidupan sebenar, persekitaran berskala internet dan menyediakan para penyelidik satu keupayaan yang tidak pernah dirasai untuk menguji aplikasi dan mengukur prestasi infrastruktur dan perkhidmatan yang dibina untuk dilakukan pada skala besar sistem “cloud”.

- BERNAMA